

CNS4192

R GB 21-12 00178 BA433

Bah

Mahathir - Falsafah

FALSAFAH BN BANTU CAPAI MATLAMAT WAWASAN 2020

PULAU PINANG, 20 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kemajuan yang dinikmati sekarang serta matlamat menjadikan Malaysia negara maju di bawah Wawasan 2020 tidak akan tercapai jika falsafah Barisan Nasional (BN) diketepikan.

Katanya, falsafah BN perlu dikekalkan untuk mencapai matlamat Wawasan 2020.

Jika parti lawan dapat menguasai fikiran kita dan membangkitkan perasaan benci antara kaum menyebabkan rusuhan berlaku dan negara tidak aman maka kita tidak mungkin capai matlamat kita, katanya ketika berucap pada majlis jamuan makan malam BN Pulau Pinang di sini sempena lawatan rasmi beliau dua hari ke negeri ini.

Walaupun majoriti rakyat suka hidup rukun damai dan tidak suka kepada fahaman perkauman dan ekstremis namun ada juga pihak yang membangkitkan perasaan perkauman supaya satu bangsa membenci kaum lain dan sebaliknya, tambahnya.

"Itu sebab penting kita faham kenapa negara ini maju, kita tidak boleh anggap ini perkara biasa, kemajuan tidak datang sendiri secara menggolek dan melayang," tegasnya. -- Lagi

▼21/12/00-19MST

CNS4193

R GB 21-12 00183 BA434

Bah

Mahathir - Falsafah 2 Pulau Pinang

"Semua pihak mesti berusaha menjaga keadaan dalam negara supaya keadaannya sesuai dengan pembangunan, semua pihak termasuk kerajaan, rakyat dan swasta mesti bekerja bertungkus lumus membangun negara," ujarnya lagi.

Beliau berkata, jika rakyat tidak memahami faktor yang membawa kepada kemajuan dan pembangunan ekonomi negara sekarang, mereka boleh menjadi lalai dan akan menyebabkan keadaan dalam negara menjadi genting semula dan mungkin ekonomi merosot dan akhirnya matlamat Wawasan 2020 tidak tercapai.

Faktor utama kemajuan negara adalah disebabkan oleh keamanan dan keharmonian antara kaum yang diamalkan sejak terciptanya formula kerjasama antara kaum yang diasaskan oleh pemimpin parti Perikatan, katanya.

Falsafah kerjasama, persefahaman, tolak ansur, menghormati hak antara semua kaum yang diamalkan hingga sekarang telah memastikan negara ini aman dan harmoni, tegasnya.

Rakyat perlu mengutamakan keamanan dan kedamaian supaya pembangunan ekonomi terus pesat kerana tanpa keamanan ia tidak akan tumbuh dan keadaan itu dialami di negara berbilang kaum dan agama yang tidak merasai keamanan seperti di Ireland Utara, Bosnia dan beberapa negara di Afrika dan Amerika Latin. -- Lagi

▼21/12/00-30MST

CNS4195

R GB 21-12 00078 BA435

Bah

Mahathir - Falsafah 3 (Akhir) Pulau Pinang

Perdana Menteri juga melahirkan keyakinannya dengan keupayaan Pulau Pinang untuk mencapai matlamat Wawasan 2020 lebih awal berdasarkan prestasi pembangunan yang pesat sekarang.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, Ketua Menteri Dr Koh Tsu Koon dan timbalannya Datuk Dr Ibrahim Saad adalah antara lebih 1,000 orang pemimpin BN negeri dari pelbagai peringkat yang menghadiri majlis itu. -- Bernama.

MOZ OA

♥21/12/00-31MST